

Headline	Malaysia sambut Hari Buluh Sedunia enam hari		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	19 Sep 2012	Color	Black/white
Section	Bisnes	Circulation	60,000
Page No	L-57	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	88 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 352
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,056



Malaysia sambut Hari Buluh Sedunia enam hari

MALAYSIA buat julung kalinya menyambut Hari Buluh Sedunia (WBD) tahun ini setelah sambutan itu diisytiharkan secara rasmi tiga tahun lalu.

Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MITB), Prof Madya Dr Jalaluddin Harun berkata, sambutan enam hari yang bermula semalam, sehingga Ahad ini, akan dirasmikan Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Hamzah Zainudin.

“Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang enam hari sambutan, termasuk forum Hala Tuju Industri Buluh Negara yang memfokuskan tajuk utama seperti *The Versatile Green Material, Bamboo Health dan A Sustainable Construction Material of the Future*.”

“Turut diadakan ialah pameran produk buluh yang akan disertai 20 pempamer dari pelbagai agensi kerajaan serta pihak swasta,” katanya.

Sambutan WBD 2012 anjuran bersama

MITB, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Yayasan Keusahawanan Inovasi Global (GIEF). Turut dimeterai nanti perjanjian persefahaman (MoU) akan dimeterai antara MITB, Frim, UPM dan GIEF yang bertujuan menggalakkan pembangunan industri buluh di negara ini berdasarkan Pelan Tindakan Pembangunan Industri Buluh Malaysia 2011-2020 disediakan MITB. - Bernama